

No. Soalan: 38
PR-1351-L00492

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]

TARIKH : 15 MAC 2017

SOALAN : Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan pendirian Malaysia mengenai kehadiran kapal-kapal pengawas pantai Negara China di Luconia Shoals.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kelana Jaya di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek:-

Pertama, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.

Kedua, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China.

Tuan Yang di-Pertua,

3. **Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten.** Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan, dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan, menimbulkan ketegangan, keimbangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Di dalam konteks ini, *non-militarisation, self-restraint* serta mengelakkan penggunaan kekerasan adalah amat kritikal.

4. Berhubung **tuntutan bertindih** di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah **diselesaikan secara aman**. Semua **tuntutan dan penyelesaiannya** melalui rundingan dan sebagainya mestilah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah **Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982** atau **UNCLOS 1982**. Penyelesaian pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Tribunal Timbangtara merupakan opsyen yang diberikan oleh undang-undang antarabangsa.
5. **Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain** tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan **nine-dash line** kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah **UNCLOS 1982**.
6. Malaysia juga berpendirian bahawa **tidak wujud sebarang tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan**.
7. Malaysia turut berpendirian bahawa semua ciri-ciri geografi atau dengan izin *maritime features* yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia merupakan kepunyaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani **Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan**, atau dengan izin, **Declaration**

on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC) pada 4 November 2002.

9. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

10. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang berusaha untuk mewujudkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***.

11. Sayugia saya nyatakan bahawa *DOC* serta *COC* yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Berhubung dengan kehadiran dan penempatan tentera oleh pihak China, saya ingin maklumkan bahawa kehadiran dan penempatan tentera ini di Laut China Selatan tidak melibatkan kawasan maritim Malaysia. Oleh yang demikian pada hemat saya, ia tidak memberikan kesan secara langsung kepada kepentingan dan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, tindakan China berpotensi meningkatkan ketegangan serantau dan mengubah dinamik geopolitik di kawasan Laut China Selatan.

13. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam

setiap tindakan yang diambil. Segala isu akan diteliti dari segenap aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

14. Rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara.
15. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.